

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 6/1973**

**PENGAMBILAN DAN PENGALIHAN BAHAN BATU
(ROCK MATERIAL) UNTUK KEGUNAAN KERAJAAN**

Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di dalam mesyuaratnya pada 29hb November 1973 telah membuat keputusan mengecualikan Jabatan-Jabatan Kerajaan daripada dikenakan bayaran di bawah Peraturan Tanah 23 kerana pengambilan dan pengalihan bahan batu (rock materials) bagi kegunaan Kerajaan dengan menggunakan lori-lori Jabatan sendiri atau lori-lori pemborong. Ini bermakna Lesen Tumpangan Sementara 4C tidak payah dipohon oleh dan dikeluarkan kepada Jabatan yang berkenaan.

2. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan mematuhi keputusan ini. Untuk mencegah supaya pengecualian ini tidak disalahgunakan maka Jabatan yang berkenaan adalah dikehendaki memberitahu terlebih dahulu Pejabat Tanah tempat-tempat di mana bahan batu akan diambil dan juga cara-cara peralihan dibuat untuk pengetahuan Pemungut.

3. Kaedah Tanah Selangor No 23 tidak akan dipinda.

T.T
(HAJI SULAIAMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.SEL 1729 (15)

KUALA LUMPUR
18HB DISEMBER 1973